

Transformasi Johor Bahru
Chedet.cc
08 July 2014
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Johor Bahru akan bertukar wajah secara radikal. Pembangunan yang dicadangkan, dengan berpuluh bangunan pencakar langit yang tinggi dan indah, dengan mercu tanda yang berbentuk 'sky scraper' tertinggi akan menjadikan Johor Bahru lebih menarik dan mengagumkan dari New York.
2. Tidaklah salah jika JBB (Johor Bahru Baru) ini akan mengheret Malaysia ke era baru. Ia tetap mencerminkan kemodenan dan kemajuan Malaysia. Seperti dengan Kuala Lumpur, Johor Bahru akan sampai Wawasan 2020 lebih awal dari wilayah lain di Malaysia.
3. Walau bagaimanapun soalan yang timbul ialah siapa yang akan tinggal dan bekerja dalam puluhan pencakar langit ini. Dari manakah mereka akan datang. Dari Johor Bahru? Dari Malaysia?
4. Bangunan-bangunan ini bukanlah rumah murah. Tentulah bahan yang diguna ialah daripada marmar dan granit. Lif dan escalator memudahkan pelawat naik-turun. Di tingkat atas yang mungkin 30 atau 40 tingkat tingginya, tentulah disedia flat mewah dengan sewa puluh ribuan ringgit sebulan.
5. Mungkinkah yang akan isi pejabat mewah ini syarikat dari Majidee atau Gelang Patah? Dan Penduduk terdiri dari orang Melayu Johor Bahru dan kampung-kampung di sekitar. Di khuatir bukan.
6. Pada 1819 Singapura dijual kepada British oleh Temenggong dengan harga Dolar Sepanyol 60,000. Terdapat beberapa nelayan yang tinggal di pulau itu, pada ketika itu.
7. Pendetang asing membanjiri Singapura sehingga penduduk asalnya tenggelam dalam bandar besar yang didirikan. Demikianlah besarnya jumlah pendatang asing ini sehingga Singapura menjadi negara asing yang tidak dikembalikan kepada Johor apabila British bebaskan pulau itu daripada penjajahannya.
8. Apakah mungkin bandar indah dan mewah yang sedang didirikan tidak akan jadi satu lagi Singapura. Dalam sistem Malaysia sesiapa yang tinggal di negara ini selama 10 tahun dari 12 tahun yang lepas berhak mendapat kerakyatan. Dan kita tak pandai tolak permintaan orang. Lihat sahaja apa yang sedang berlaku sekarang.
9. Kawasan yang akan dibangunkan ini tentu akan menjadi sebahagian dari Malaysia. Ia akan memiliki beberapa kawasan pilihanraya. Kalau pun dicantum dengan kawasan lain majoriti penduduk akan terdiri daripada warga baru ini.

10. Sekarang kita tidak boleh sebut Melayu. Ia rasis. Tak apalah jika tidak ada seorang pun warga keturunan Melayu, asalkan yang akan mengundi dan memilih wakil rakyat terdiri dari warganegara Malaysia.

11. Saya mengalu-alukan transformasi di Johor Bahru seperti saya alu-alukan transformasi di lain-lain tempat. Yang penting ialah Malaysia menjadi negara maju walaupun ayam dikepok mati kelaparan dan itik di air mati kehausan.

51 Comments



1. *carlosptaseh*

July 25, 2014 at 9:39 AM | [Permalink](#)

Salam bahagia utk Tun
dan yang mengikuti ruangan” blog to unblog”

Saya tidak bersetuju dengan pendapat “biar generasi masa hadapan menentukan hala tuju mereka sendiri. Sekiranya berlaku kesilapan oleh pemerintah hari ini maka kesulitan dan kesukaran akan ditanggung oleh anak cucu kita nanti. Kejatuhan Melaka dan penjajahan oleh Portugis, Belanda, Inggeris dan kemudian oleh Jepun dan Inggeris semula banyak disebabkan oleh kesalahan pemimpin feudal Melayu. Perebutan takhta oleh Raja-raja Melayu telah diambil kesempatan oleh pihak British untuk menaiki ke takhta raja-raja yang boleh menjadi boneka mereka. Mungkin yang tidak berhak menjadi raja pun telah dilantik oleh British. Kalau di Borneo mereka melantik diri sendiri menjadi raja. Maka British pun menjalankan dasar mengeksploitasi segala hasil mahsul Tanah Melayu termasuk di Borneo (Sabah & Sarawak).

Dengan menjalankan dasar serampang dua mata iaitu mengaut keuntungan dan melemahkan pemerintahan Melayu dengan membawa pendatang Cina dan India masuk ke Tanah Melayu. Malangnya kepimpinan Melayu masa itu yang direstui perantikannya oleh pihak British tidak membantah dasar tersebut. Inilah yang ditanggung oleh orang Melayu kini. Maruah Melayu nyaris terjual dengan penubuhan Malayan Union yang mana hampir keseluruhan Raja-raja Melayu telah menandatangani persetujuan penubuhannya. Namun orang Melayu bernasib baik kerana ada kalangan cerdik pandai Melayu dari golongan bawahan yang memulakan gerakan pembantahan yang mana akhirnya umat Melayu bersatu sehingga memaksa British membatalkan gagasan itu.

Kemudian gerakan kemerdekaan beralih tangan dan sekali lagi berlaku kesilapan kerana pemberian kerakyatan yang begitu mudah telah diberikan. Bukan itu sahaja pemilikan tanah, lesen permit dan monopoli oleh pendatang yang diberikan kerakyatan ini mungkin telah di beri semasa pemerintahan British tetapi selepas merdeka dasar ini diteruskan sehingga mereka besar kepala dan tecetusnya insiden 13

Mei.Keberanian Tun mengkritik kepimpinan masa itu sehingga berlaku pertukaran pucuk kepimpinan dimana Allahyarham Tun Abdul Razak mempelopori DEB dan memberi pemilikan tanah kepada orang Melayu melalui skim Felda dan Felcra.

Kalau dibuat kajian pemilikan keluasan tanah oleh orang Melayu dan bangsa asing mengikut nisbah penduduk mungkin menakutkan.

Kini berlaku lagi kesilapan besar oleh kepimpinan Melayu.Tun telah nampak tetapi yang diberi kuasa dan berkuasa tidak ambil tahu. Mungkin mereka telah dibonekakan oleh kuasa wang ringgit pemodal dan tauke bukan Bumiputra..Malah kerakusan pemilikan tanah oleh pendatang dari “Singapore” akan merubah sejarah Tanah Melayu sekali lagi..Sepatutnya hentian keretapi laju yang dicadangkan dari Beijing ke Malaysia berhenti di Johor Bahru.Dengar khabar keputusan penting untuk Iskandar Malaysia diputuskan di “Singapore”.Begitu juga pendatang haram yang masuk ke negara ini dan bertapak dan membolot aktiviti ekonomi tertentu.Mudahnya mereka mendapat PR dan membawa pula saudara mara dan membentuk koloni dikalangan mereka.

Tun, juga telah berlaku kesilapan apabila konsesi balak di hutan simpan Hulu Petaseh yang dengar khabar nya konsesi dianugerahkan kepada kerabat diraja yang mana hasil perolehan bernilai berbilion ringgit tetapi diuruskan oleh bukan bumiputra.Sepatutnya diuruskan oleh kerajaan negeri berulah beroleh hasil yang lumayan dan menambahkan rizab kewangan negeri.Pembalakan di hutan yang mana kayunya pernah dijadikan tiang di Istana Lama Seri Menanti begitu intensif dan ekstensif sehingga kelihatan gondol dari jauh.Sekiranya ada hasrat untuk menanam semula hutan tersebut agak tidak masuk akal kerana anak pokok polibeg perlu disiram sehingga akarnya boleh berdikari mencari air.Siapa yang akan menyiramnya dengan keluasan dan bentuk muka bumi yang berbukit tersebut. Akhirnya akan tumbuh belukar dan pokok buluh seperti yang berlaku di Hutan Simpan Genting Peras.

Hutan simpan Triang disekeliling Petaseh juga telah di jadikan Ladang Yayasan Negeri dan apakah penerokaan di hutan simpan Hulu Petaseh bertujuan ke arah itu.Tidak adakah kuota untuk orang Petaseh memiliki sedikit tanah tersebut.Sekiranya beralih kepimpinan kerajaan negeri oleh pembangkang mungkin ladang tersebut dijual kepada bukan bumiputra maka penduduk kampung hanya berputih mata kerana kepimpinan Melayu membuat kesilapan pada hari ini.Sepatutnya tanah diberi milik kepada rakyat dan bukannya kerajaan negeri.Sepatutnya kerajaan hanya mengutip cukai tanah.Tidak adalah peluang rakyat memiliki tanah kerana kerajaan sendiri yang membolotnya.

Hasrat mewariskan hutan pada generasi akan datang oleh Kerajaan Negeri tidak dilaksanakan seperti yang diungkapkan malah impian penduduk kampung untuk memiliki tanah sebagai anak peribumi hanya tinggal illusi. Akhirnya kesilapan berulang lagi dan Melayu jadi pemerhati.

2.  *sibotak*

July 17, 2014 at 11:40 AM | [Permalink](#)

Setiap Perbuatan pasti ada Niat
Niat yg baik dipercepatkan
Niat yg Jahat di lambatkan malah di Bubarkan
Niat yg Jahat PERLU DIHUKUM

1. PakLah penyebab Kelemahan Kerajaan UMNO
2. Anwar punca Perbelahan Kaum Melayu

Apakah Niat mereka sebenar ?

PakLah

Saya yakin project IDR bukan Idea atau Tujuan Pak Lah
Ia lebih pada Kemahuan Kerajaan Singapura dikemukakan pada Pak Lah
digunakan sebagai Idea Pak Lah
Maka Sang Singa Berluasa tanpa Batas
Yg sekarang Ternyata telah mengugat Rakyat , Kerajaan & akan KeSultanan Melayu
Sekira Pak Lah mengizinkan kerana Beliau marah dengan campur tangan Tun
Maka saya istiharkan ia sebagai satu jenayah terhadap Malaysia
Jika ia kerana Beliau Bodoh maka Bodohlah jawabannya
Saya sama sekali tidak salahkan Tun Mahathir melucutkan jawatan Pak Lah
Malah tindakan Tun telah menyelamatkan Malaysia dari di Baham Singa

Anwar

Ternyata tindakan Anwar lebih kepada Niat Jahat
Niat untuk membalas dendam
Sampai sanggup menjual maruah beliau pada penghasut asing bersekutu dengan DAP
walau Beliau sedar akan Keburukan yg bakal berlaku kelak
Ini adalah satu Jenayah Kebangsaan yg WAJIB DI HUKUM

ADAKAH MALAYSIA BOLIH MEMBIARKAN ORANG SEDEMIKIAN
MENGUGAT KEPENTINGAN MALAYSIA

HENTIKAN IDR , HENTIKAN PERCEROBOHAN BERLESEN YG TIDAK SAH
HUKUM SESIAPA YG BERKENAAN JIKA IA TERMASUK SULTAN
ATAU SIAPA PUN



3. *wajaperak*

July 17, 2014 at 8:27 AM | [Permalink](#)

Assallammualaikum Tun.
Mohon ruangan

HBT456

[tetapi apa yang sedang berlaku sekarang adalah politik2 yang beragama islam saja yang buat hal]

Dear madam.
Why do we come here?
It is what we called menyumbang. Yes.
Che' Det'ers can call me sumbang but they did know and understand the role of
'Agent Provocateur'.
Madam HBAT456 can says that..
I found out to my horror ?Islam advocated hatred?
In my opinion..
To my strongest of belief Islam..
And all that constituted the Magical Word of my opinion and my belief.
In Islam when we disagree's we retrace our step.
Stand down.
Seek the Hakam. Bertahkim that is an Arbiter for solving matter.
It did not happened here and I have excercised my right as the agent and the rule of
'brinkmanship'.
For Mr Balance there is a rule that you have overlooked that is

Casus Belli

**We only can agree or disagree to the extend of the nature..:)
Terima kasih Tun.**

4.  *HBT456*

July 16, 2014 at 10:41 PM | [Permalink](#)

<http://www.thestar.com.my/News/Nation/2014/07/16/Najib-VEP-for-all-foreign-vehicles-entering-johor/>

Good decision, mr pm najib, singapore government will thank you for this vep rate.
Yeah, malaysia boleh!

5.  *mubarakchan*

July 16, 2014 at 6:05 PM | [Permalink](#)

Tun

I support your comments on the Transformation of Johor Baru.

Has any Blogger here stood at the Malaysian end of the old Causeway and look across to the Singapore CIQC complex ? It is not only dark and ugly but jars the eyes. This was specially done for FENG SUI purposes against the KARMA OF A ALL POWERFUL NEIGHBOUR, MALAYSIA. As far as I can discern this was an ABNORMAL ACT by someone with a superstitious bent. And this person's greatest

fear has now come to fruition with the popping up of all manner of skyscrapers on the Johor Baru side. Man proposes. God disposes.

On the Iskandar Region, I could literally COUNT THAT THERE WERE 5 ROUNDS OF PROPERTY SPECULATION.

1. Insiders buy properties and shares of listed companies first.
2. Government agencies enter to pick up the properties at juicy prices.
3. Foreigners were invited to buy these now Government owned properties.
4. Malaysians enter the scramble for these properties.
5. Big China property companies mopped up what was available and on-sell to Chinese buyers. One of these companies purported to have a list of 900 ready cash buyers for its properties before any launch.

I am not aware of the Policy of the Federal Government concerning the purchase of lands, houses, or condos by foreigners.

But I am aware of examples of restrictions on foreign purchase of such properties in Australia, Singapore, Switzerland and Thailand. Most countries attempt to maintain a 2 tier system to protect its own citizens from foreign speculations. This is only fair.

But generally, it is easier to purchase condos which are only boxes of air as opposed to landed properties. And a higher price is stipulated for the foreigners and a lower one for the locals. In Switzerland, a wooden condo costs millions of Malaysian ringgits.

As Malaysia only entered this foreign property market recently whilst Switzerland, Singapore and Thailand have decades of dealing with foreign property investors, it pays for the authorities to study how each system works in the interest of SOVEREIGNTY, NATIONAL INTEREST, SELF-ESTEEM.

The Tun's comments are fair and stringent measures have already applied by Switzerland, Singapore and Thailand to make the foreigner pays and pays. This is to be expected of small countries like Malaysia to safeguard against the roaming wealthy foreign property investor in the interest of its constituency which is the citizen. In the case of Singapore, it is money, money, money whilst Switzerland adopts a holistic approach by high property prices to keep the foreigner OUT.

Of course, it is good to have foreign property investment.

We are now in a world of Globalization, Free Trade, Human Rights. But no one should be permitted to upset the apple cart of a stable, harmonious and prosperous country at the expense of our own citizens especially as regards our properties whether in the Iskandar Region or elsewhere.

The issue of property ownership by foreigners is a complex issue especially when Malaysian property values lag behind countries in other jurisdictions. The authorities have to weigh FAIRNESS FOR OUR CITIZENS FOR NOW AND THE FUTURE and at the same time, they must not make Malaysia too unattractive a place of investment by foreigners.

MAYBE THE GOVERNMENT SHOULD HAVE SET UP THE RULES FOR FOREIGN PARTICIPATION IN ISKANDAR AND ELSE WHERE FIRST BEFORE LAUNCHING SUCH JUICY PROJECTS ? As far as the citizens are concerned, we are all in the dark !

MALAYSIA BOLEH ! MALAYS BOLEH ! ALL MALAYSIANS BOLEH !

6.  HBT456

July 16, 2014 at 5:26 PM | [Permalink](#)

pn hajar, you nak pakai allah, god ke atau tuhan in surau, no one cares. dah merdeka lebih 50 tahun, masih belum buka minda ke? holier than thou? you ingat malaysians masih katak di bawah temperung ke? you can vote any political parties you like, you won't be able to change the world.

7.  Hajar

July 16, 2014 at 1:32 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

Mohon laluan Tun,

///

HBT456 @ <http://chedet.cc/?p=1413#comment-118666>

”Lihat saja sikap hajar tu, memang mulut bisa, and she is proud, **memang jijik.**”

///

Wah! Eloknya bahasa Puan HBT456...memang patut dijadikan contoh dalam blog Chedet sebagai seorang yang amat beretika dan berbudi bahasa dalam berkomunikasi...

Se 'jijik'2 saya, saya tidak akan tergamak menipu dan menghasut orang dengan pelbagai tuduhan2 tidak benar (fitnah). Cakap pun berbelit-belit, sebagai contoh:-

HBT456 said: ” *Semalam tadi, jumpa seorang pelajar IT di kolej swasta kl, umur 34. Dia dalam tegangan jiwa yang tidak tenteram, dan dia amat benci malaysia. Dia adalah dari afrika selatan, dan dia tidak mahu pulang ke negaranya kerana rusuhan antara muslim dan kristian*”

Kononnya, ”dia amat benci Malaysia”, tapi masih ‘prefer’ tinggal di Malaysia dan tak mahu pulang ke Afrika Selatan...lojik ke?

Saya kenal ramai rakyat asing dari benua Afrika dan juga Timur Tengah. Almost ALL of them like to become Malaysians (if given the option).

Fakta: Malaysia (Negara Islam) yang menjadi destinasi pilihan yang UTAMA di dunia bagi 'pelancongan halal.'

'ALLAH' SWT 'esa' (satu).

'ALLAH' ada lah nama KHAS dan tidak boleh diterjemah (cannot be translated)..

'God (English)' = 'Tuhan (BM)'

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***



8. *balance*

July 16, 2014 at 8:54 AM | [Permalink](#)

Tun,

You comments about Johore are timely but pointless as people want money and they will do whatever to make money. You may say it is not so right but many think it is the best way to grow Johore. You cannot stop them as the urge for more money is greater than any other reasons. Let it rest! Let the current leaders lead for a change! Trust PM Najib, he is also a smartman and he is doing whatever necessary for a better Malaysia. Wish him well to take Malaysia to the next level. To me this is the correct way to support our leaders – TRUST

Congratulation to musato and HBT456 for a good argument without using foul, rude and unethical language. That the way!!!

Selamat berpuasa



9. *HBT456*

July 16, 2014 at 6:40 AM | [Permalink](#)

Musato, isu politik dan ekonomi tidak boleh dipisahkan. Tetapi, jika isu agama islam terus dipolitikan, pastinyan penganut bukan islam akan lepas tangan di tali yang mereka sedang memegang. Semalam tadi, jumpa seorang pelajar IT di kolej swasta kl, umur 34. Dia dalam tegangan jiwa yang tidak tenteram, dan dia amat benci malaysia. Dia adalah dari afrika selatan, dan dia tidak mahu pulang ke negaranya kerana rusuhan antara muslim dan kristian. Jika musato katakan apa yang betul mengenai

kalimah allah, saya rasa agama islam adalah agama yang paling bisa. Why? Kerana parti politik buta tuli menirukan cara penganut kristian, untuk menguasai ekonomi dunia dengan silentkan kritik rakyat, serangan bomb dan hak bebas media. Musato, people's republic of china belongs to the people, dan parti politik dan kakitangan adalah golongan yang makan gaji. Untuk bn atau pr, jika rakyat beri undi majority kepada parti politiknya, mereka akan jadi pm untuk menubuhkan kabinet. Jika musato kata tidak memaksa kafir untuk memegang agama islam, tetapi apa yang sedang berlaku sekarang adalah politik2 yang beragama islam saja yang buat hal. Reason? Tak perlu cakap banyak, buta pun boleh dengar. Lihat saja sikap hajar tu, memang mulut bisa, and she is proud, memang jijik.

10.  *chitchat*

July 16, 2014 at 5:24 AM | [Permalink](#)

hahaha dunno wht HBT is thinking.

palestinian?

well he or she should understand the palestinian history. their land & their right were seized.

if theres anyone resemble the palestinian here in malaysia it would be the malay and not the tiong hua.

13mei isnt ugutan. its wht u gonna get for playing the racist cards.

11.  *musato*

July 15, 2014 at 5:41 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

HBT,

Saya tahu HBT wanita yang baik. Tapi HBT perlu sedar minat anda pada isu isu semasa dalam politik telah membawa perubahan pada pemikiran HBT.

Terpampang jelas mengenai isu bacaan yang dipilih oleh HBT. Mengenai kalimah Allah. Ia adalah isu mengenai agama. Isu bacaan yang berat dan besar.

HBT bukan penganut kristian. Topik bacaan tersebut sebenarnya tiada kena mengena dengan HBT. Ia lebih kepada politik.

HBT patut tahu bahwa Allah dalam Islam adalah SATU (esa) dan tak punya anak. Sedangkan Allah dalam kristian adalah lebih dari satu dan mempunyai anak.

Jadi bagaimana mahu disamakan Allah yang sedia ada dalam Islam dengan Kristian?

Isu ini dimanipulasi oleh orang yang berkepentingan. Orang orang ini yang terlalu ingin kepada isu ini tanpa apa apa sebab. Atau pun ia digunakan untuk kepentingan politik.

Maka orang Islam cuma mempertahankan agama sendiri dan bukan orang Islam membangkitkan perkara ini pada permulaannya.

Kalimah Allah adalah mengenai agama. HBT boleh teruskan pegangan agama HBT. Tapi jika orang ganggu pegangan agama HBT apakah HBT tidak marah?

Islam tidak memaksa orang kafir memeluk agama Islam. HBT teruskanlah dengan agama HBT.

Terima kasih Tun.



12. *Hajar*

July 15, 2014 at 5:05 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

1. Masaalah di Johor Bahru bermula bila kita ada PM ke 5 yang lemah, dan diikuti oleh PM Ah Jib Gor yang juga lemah dan takut kepada Pembangkang (PM Malaysia pertama yang ada nama Cina – ini nama yang beliau sendiri akui).

2. Tun Pak Lah mula buat hal dengan membatalkan beberapa projek besar yang Tun telah usahakan (dan saya yakin jika diteruskan akan berjaya berdasarkan 'track record' Tun yang cemerlang), termasuklah projek Jambatan Bengkok. Tun Pak Lah pada masa jadi PM terlampau ghairah untuk kononnya jadi PM 'legenda' dengan koridor2 yang entah apa2, sambil dibantu (tolong melingkup Malaysia) oleh menantu beliau yang 'famou'. Konon2 nya Tun Pak Lah giat membanteras rasuah & pembaziran yang digembar-gemburkan & dibesar2 kan oleh Pembangkang yang memang kerjanya sentiasa mencari isu2 sensasi untuk menghasut rakyat. Menantu sendiri pun didapati mengamal 'politik wang', tapi kerana menantu PM, kenalah bagi muka.

3. PM Ah Jib Gor pula ingat beliau dapat membodek kaum Cina dengan pelbagai 'gula2', namun terbukti gagal bila keputusan PRU-13 diketahui. Rata2 kaum Cina menolak beliau/BN walaupun beliau sanggup ada nama Cina (mungkin tak berkat sebab nama beliau sudah elok). PM Ah Jib Gor masih tidak sedar2 dari mimpi ngeri yang beliau ingat sudah berlalu. Cara beliau yang banyak mengguris hati kaum Melayu/Bumiputra akan memakan diri. Sudahlah kaum Cina menolak beliau, kaum

yang setia mengundi BN/UMNO pula dianak-tirikan, dan lambat-laun akan menjauhkan diri dari BN/UMNO.

4. Untuk menebus kesilapan2 lalu, PM mesti cari jalan untuk membendung masaalah yang bakal/sedang berlaku di Johor Bahru. Jika ada projek2 pembangunan yang tidak mendatangkan apa2 faedah kepada Melayu/Bumiputra & rakyat kebanyakan, batalkan saja. Jika Tun Pak Lah boleh batalkan projek2 yang Tun mulakan (walaupun baik), mengapa perkara sama tidak boleh dilakukan oleh PM sekarang?

5. Tentang cadangan bayaran levi kenderaan Singapura yang masuk ke Malaysia, kenakan amaun yang lebih munasabah – tidak kurang dari RM100. Ini kerana rakyat Singapura memang suka masuk ke Malaysia sebab barang2 di sini murah dan bersubsidi. Jangan lah jadi seperti 'isu jual air murah' ke Singapura – sedekah sebenarnya.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***



13. *mubarakchan*

July 15, 2014 at 3:55 PM | [Permalink](#)

Tun

I note that so desperate is Singapore which must have the poisoned chalice TPPA to survive and Malaysia dies, the can of worms is even promoting it on this very Blog. The worms being what they are, information illiterate, do not seem to be able to respond to the quick parry and thrust of arguments of genuine Bloggers. They just drop TPPA into their comment and waffled around it. I love to exposed these FAKES from the Ministry of Information, Singapore.

And as I commented before, biased academics have now joined the fray to promote the poisoned chalice TPPA which will kill Malaysia if we sign and Singapore lives – a failed Policy of the dysfunctional meritocratic pyramid of Singapore.

MALAYSIA BOLEH ! MALAYS BOLEH ! ALL MALAYSIANS BOLEH !



14. *HBT456*

July 15, 2014 at 3:07 PM | [Permalink](#)

Kalam putih, yang rampas adalah cronism dan nepotism umno sendiri dengan ugutan mei 13. Sebagai tionghua, dah tak nak jadi palestinian, mahu belajar dari israel untuk meninggikan kuasa persaingan diri di peringkat antara bangsa.

15.  [kalam putih](#)

July 15, 2014 at 12:24 PM | [Permalink](#)

Ini pula nasib umat Islam di Palestine. 95% telah dirampas oleh Zionis-Israel

<http://kalamputihmenuliss.blogspot.com/2014/07/gaza-diserang-lagi.html>

16.  [HBT456](#)

July 15, 2014 at 7:26 AM | [Permalink](#)

Without fdi, both bn and pr cannot survive. Tppa is the only way out to earn back what we lost as a small country. Malaysians are blessed with multi lingual. If the old ones dont go, the new ones will never come. Look at the nz sex assault case, we know that he is not fit to be send to overseas, but bn chairman insist ketuanan melayu must be there, even if they are not fit, we must expose them to the world, duit tu adalah duit ketuanan melayu saja. Bila kalah, ketuanan isma pulak. It is up to the political parties to do what they want because they will know the answer in the next GE. Mediocrity or meritocracy, you choose. I choose meritocracy because without it, we will never progress.

Crooked bridge was cancelled, thank God, if not rakyat will be forced to pay for international lawsuit due to one person's ignorance.

17.  [HBT456](#)

July 15, 2014 at 6:55 AM | [Permalink](#)

Musato, I dont read news provided by ruling or opposition parties, wasting time aja.

<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/courts-do-not-have-the-final-say-on-the-allah-issue-says-academic>

LDP Japan lost majority votes to DP Japan for one term due to LDP power abuse and corruption in government spending. I am very sure PR will win in next GE if pas, pkr and dap keep playing with the sentiment of the rakyat about the power abuse in deepak, cow gate, tbn, social crimes and many more. Lihat saja, tuntuah dah nak tukar parti, dia ingat sini adalah pasar tani ke, tak suka tukar tempat. Well, if they dont fall, they will never appreciate. Thak God for the waste. Government never change, and they like to spend macam duit tu bukan bapanya. People change. Today, the more racist you are, the more votes you will loose.

18.  musato

July 15, 2014 at 1:21 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Tun Tuah,

Mungkin ramai tak perasaan kenapa HBT kondem UMNO sangat.

HBT sebenarnya terkena tsunami ideologi kebangkitan kuasa rakyat lebih kuat dari pemerintah.

Pemikiran sebegini diterapkan melalui alam maya/siber oleh pembangkang. Perubahan penulisan dan sokongan HBT sangat ketara selepas PRU13 di mana kaum cina hanya sekadar 3 peratus mengundi kerajaan.

HBT sekali terkena sindrom semangat bangsa.

Alam maya/siber tiada sempadan. Dari bandar kepada desa. Lebih lebih lagi kaum cina sangat kehadapan dalam penggunaan teknologi seperti komputer dan handset.

Jualan akhbar bahasa cina juga melepasi jumlah jualan Utusan (tempat teratas bagi bacaan orang Melayu). Ini kerana kita punyai banyak jenis bahan bacaan akhbar seperti metro, sinar dll.

Kita sebagai manusia memang tak lepas dari kesilapan. Inikan pula dalam mentadbir negara. Sememangnya bukan semua adalah tanggungjawab kerajaan. Untuk berjaya dalam hidup kita perlu berusaha.

Kerajaan cuma bertanggungjawab dalam menyediakan suasana harmoni untuk kita hidup aman damai dan menjalankan urusan pentadbiran yang efektif terutama berkenaan ekonomi negara dan tanggungjawab sosial.

Berpijaklah kita di bumi yang nyata. Jangan terikut gendang lawan.

Pada saya, dalam kita sibuk menceritakan kesalahan pemimpin negara, sebenarnya kita hanyalah menegur mereka. Yang penting kita bersatu dan berjalan dengan meniti tali Allah s.w.t iaitu patuh dan taat pada pemimpin negara selagi ia tidak bertentangan dengan agama.

Blog ini ditubuhkan dengan tajuk blogging to unblock (rasanya semua orang tahu kenapa ia diwujudkan). Rasa pelik pun ada pada April tahun 2009 bilamana Tun masih lagi meneruskan blog ini.

Namun seperti kata Tun, beliau masih mahu membantu kerajaan setakat yang termampu melalui blog.

Jadi, saya masih lagi di sini.

Terima kasih Tun.



19. *Tuntuah*

July 14, 2014 at 6:49 PM | [Permalink](#)

Well, org cina ramai kat jb tu.
Org melayu tak mampu beli
Macam penang sekarang.

It is about time to change party.
Umno is no longer parti melayu. More on chinese these day.

I will sokong parti melayu yang baru kalu ader.

Yes. Hanya untuk melayu and pribumi aje.

Pendatang tak boleh join.

Well. It is true that alif tendang wau ialah sarkis.

Well hbt, dont you know that umno is just hamba org cina? Ape ape org cina didahulukan. Samapi tanya lagi aper org cina hendak.

Tun it is sad that umno is basically parti org cina.... Sudah jadi ali baba....

So hbt, i just confuse, bcoz umno parti org cina, why u keep condemn umno?



20. *Ibnu Mukmin*

July 14, 2014 at 6:40 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Corridor Selatan ada lah initiative Pak Lah. Najib sekarang sedang mengimplementasikan nya.

Saya setuju sepenuh nya dengan apa yang Tun sebut.

Perlukah JB Baru di bangunkan dengan pesat seperti yang di laksanakan sekarang?

Apa kah matlamat yang di sasaran dengan adakah ianya:

Untok menaikkan ekonomi Johor? Jika ya, adakah ia – development for development sake?

Saya harap kepimpinan Johor dan Persekutuan tidak hilang arah. It Must be development for the sake of the Citizens Malays, Chinese, Indian and others. If the development is going to compromise the citizens we hope Johor MB and PM sit down

again to reconsider their priorities. Going for 2020 or high income nation is OK, but it MUST be for the Raayat. Not for its ownself sake.

We do not want a situation like what is happening in Singapore where the citizens are over run by Foreigners and new citizens coming from China, India and Philippines. House prices are running away due to the high demand from these “imports”. Citizens are losing their job to these “imports” as well. There is now a groundswell if anti PAP sentiment amongst the locals.

We must thread carefully this route being taken by PM and Johor MB. Granted PM is economics trained, but as PM he must heed the advice of the Doctor in the House 🙄 who can see beyond economics and financial gains. These always the social and political perspective to consider.

21.  *musato*

July 14, 2014 at 2:07 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Perkara kerisauan bagaimana mengejar wawasan 2020 telah dibangkitkan pada awal awal kenaikan pangkat Dato Najib lagi.

Dato Najib kata boleh kejar 2020 jadi negara maju.

Harap tak jadi macam yang ditulis kat atas.

Lagipun sejak dulu lagi gejala sosial berleluasa di Johor (negeri lain pun ada) CD porno dijual terbuka, perempuan muda tinggal di kondok, parti mabuk walaupun gempa bumi, pub berkawasan hitam.

Keluhan resah orang Melayu yang berasa terpinggir turut diluahkan.

Terima kasih Tun.

*Hafizkenedelete tak habis habis lagi sebut nama saya. Ada masalah dengan saya ke yang cuma kerja basuh pinggan ni?

22.  *mubarakchan*

July 13, 2014 at 9:01 PM | [Permalink](#)

Tun

Sibotak, you have my full support.

23.  *sibotak*

July 13, 2014 at 8:56 PM | [Permalink](#)

Yvonne Ripley British Reporter converts to Islam
A very Courageous Muslim Women
Said in her interview
Muslim men must Stand Upright and Face the Enemy
Muslim men must not stood low when Battling

It Goes to UMNO
I can,t get it
UMNO a Ruling Party of Malaysia now Bow To Opposition
What if table are turned ?
UMNO as an Opposition , Ruled by DAP , PKR and then this Ruler Implement ISD
I believes UMNO will Bend for Anwar & Lim Kit Siang

Its not just Najib
Its about Najib choosing the Right people around him
The Right People of Chemistry for UMNO to Forward with Heads Up

There is No Mr.Gentlemen in a Game in Politics
Even in World Cup Soccer though Televised Live with every angel camera
As long you don,t get caught by Referee You might win the Game

I hope of my much Silly Repeated Attempts for A Wake Up Calls for UMNO
Does delivers something if not much.....Insyallah

24.  *HBT456*

July 13, 2014 at 11:09 AM | [Permalink](#)

The biggest mistake bn did was they treat voters like nobody. What wain wrote is true. Yeah, look at brazil football, lost 7-1 to germany because they hive so much on neymar that they do not have back up plan if something bad happened. Dont feel sorry for brazil brcause the team has learn their lesson. Each setback is a must for a great comeback. After all, tomorrow is always a 2nd chance to be a better day. God is fair to everyone, good, bad or ugly, the choice is in your hand.

25.  *sibotak*

July 13, 2014 at 9:28 AM | [Permalink](#)

Johor Transformasi

Jika bukan Idea sendiri , Kemahuan sendiri ,Structur sendiri
Mengikut Kehendak Asing Membabi Buta
Akan mengakibatkan Keburukan kepada kita
Ia serupa TPPA yg di serukan mereka untuk Tujuan mereka
Kita di Peralatkan mereka
Sultan ,Kerajaan & Rakyat Malaysia akan jadi mangsa

